



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. TENDER : PL.(T).15.2023(JPP)
TARIKH : 3 OGOS 2023

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Tarikh dan Lokasi Penjualan / Harga Dokumen	Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran Dokumen
PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN PEMBERSIHAN DI PUSAT BANDAR (PAKEJ B), W.P. LABUAN	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah Kod Bidang : 221002 (Membersih Kawasan) dan 222104 (Pertanian/Tanaman/ Ladang/Taman/Hutan Dan Ladang Hutan)	<u>TARIKH & LOKASI PENJUALAN</u> 11.8.2023 sehingga 30.8.2023 (semasa waktu pejabat) Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 50.00 (Tidak dikembalikan) (Bank Draf / Wang Pos / Kad Debit / Kredit)	<u>TAKLIMAT (WAJIB)</u> 10.8.2023 (9.30 pagi) Taklimat akan diadakan di Bilik Cemerlang, Tingkat 4, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan W.P.Labuan <u>LAWATAN TAPAK</u> Tiada	4.9.2023 (8.00 pagi - 12.00 tengah hari) Peti Tender No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen tender tidak akan dijual kepada kontraktor yang tidak menghadiri taklimat.

Hanya penama dalam sijil asal pendaftaran syarikat dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak tender. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama di dalam sijil. Oleh itu syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak. (Rujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013)

Masa Penjualan Dokumen: **Isnin – Khamis : (8.00 pagi – 1.00 petang) / (2.00 petang – 4.00 petang)**
Jumaat : (8.00 pagi – 11.00 pagi) / (2.00 petang – 4.00 petang)

Dokumen Meja Tender boleh disemak di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran semasa waktu pejabat. Bagi tujuan pembelian dokumen tender, Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh Pejabat yang mengeluarkannya.**

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan jelas di penjurong atas sebelah kiri No. Tender dan Tajuk Kerja dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
JABATAN KEWANGAN, BLOK A, TINGKAT 2
WISMA PERBADANAN LABUAN
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN LABUAN DI ALAMAT: www.pl.gov.my